




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

25 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 962 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 193,186 kes. Sebanyak 19 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tujuh (7) kes di Sandakan, tiga (3) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Tenom dan Kota Marudu manakala masing-masing satu (1) kes di Lahad Datu, Tawau, Papar, Kinabatangan dan Kunak. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,233 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 171,056 orang. Manakala 3,566 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,294 orang di hospital, 2,225 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 38 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 158 orang merangkumi 137 di ICU/repurposed kritikal care serta 21 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 58 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Buat pertama kalinya sejak 4 Ogos tahun ini jumlah kes di Sabah turun dibawah paras angka (1,000) kes, yakni (962) kes. Jumlah ini merupakan satu penurunan sebanyak (-311) kes berbanding semalam.
- b. Secara keseluruhan, terdapat penurunan jumlah kes yang agak besar di beberapa daerah walaupun ada penambahan kes di beberapa daerah lain. Hari ini juga tidak ada daerah yang mencatat jumlah kes tiga (3) angka seperti sebelum ini. Ini satu petanda baik. Pada peringkat ini, masih terlalu awal untuk meramalkan samada trend penurunan ini akan berterusan.
- c. Kota Kinabalu merekodkan (91) kes hari ini, satu penurunan signifikan sebanyak (-112) kes. Lahad Datu turun (-45) kes, Kota Marudu (-33) kes, Keningau (-20) kes, Penampang (-18) kes, Beluran (-40) kes, Telupid (-24) kes dan Tongod (-31) kes.
- d. Antara daerah yang mencatatkan peningkatan ialah Tawau (+21) kes, Putatan (+17) kes, Kalabakan (+16) dan Tuaran (+10) kes.
- e. Daripada (962) kes yang didaftar hari ini, (361) kes atau 37.53% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (47) kes atau 4.89% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan tujuh (7) kes adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui.
- f. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (492) kes atau 51.1%, Saringan Bergejala (368) kes atau 38.3%, enam (6) kes atau 0.6% daripada Saringan Kluster, sifar (0) kes dari Saringan Bersasar dan (96) kes atau 10.0% melalui Saringan Lain-lain.

- g. Peratusan tinggi jumlah pesakit kategori saringan bergejala adalah satu peringatan agar kita semua meningkatkan usaha mematuhi SOP. Kes-kes bergejala yang juga dikenali sebagai kes-kes sporadik sering dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP dan penjagaan kesihatan diri. Hari ini 38.3% kes di Sabah adalah daripada kategori Saringan Bergejala, satu peratusan yang agak tinggi. Sebagai perbandingan 61% kes di Lahad Datu adalah kategori Saringan Bergejala, 84.6% di Kalabakan, 44.4% di Sandakan, 45.3% di Tawau dan 37.3% di Kota Kinabalu.
- h. Daripada (962) kes yang berdaftar hari ini, (144) kes atau 14.97% adalah pesakit dalam Kategori 1, (717) kes atau 74.53% dalam Kategori 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, tujuh (3) kes dalam Kategori 4 dan tujuh (7) kes dalam Kategori 5. 87 kes masih dalam siasatan. 91.68% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (492) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	6	0.6%
2	Bergejala	368	38.3%
3	Kontak	492	51.1%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	96	10.0%
JUMLAH		962	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/09/2021	Catatan Kes 25/09/2021	Perbandingan
1	Tawau	43	64	+21
2	Putatan	31	48	+17
3	Kalabakan	10	26	+16
4	Tuaran	60	70	+10
5	Papar	47	53	+6
6	Kuala Penyu	1	6	+5
7	Tenom	31	32	+1
8	Semporna	9	10	+1
9	Kota Kinabalu	203	91	-112
10	Lahad Datu	118	73	-45
11	Beluran	65	25	-40
12	Kota Marudu	98	65	-33
13	Tongod	33	2	-31
14	Telupid	30	6	-24
15	Keningau	81	61	-20
16	Penampang	66	48	-18
17	Pitas	39	25	-14
18	Kudat	40	28	-12
19	Kunak	18	8	-10
20	Nabawan	26	17	-9
21	Sipitang	10	5	-5
22	Kinabatangan	13	9	-4
23	Sandakan	85	81	-4
24	Kota Belud	47	43	-4
25	Beaufort	19	18	-1
26	Ranau	36	35	-1
27	Tambunan	14	13	-1
JUMLAH		1,273	962	-311

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (11 – 24 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	50	34	0	7	91	2,946
Sandakan	0	20	36	0	25	81	1,739
Lahad Datu	0	23	46	0	4	73	1,367
Tuaran	0	51	17	0	2	70	1,318
Kota Marudu	0	36	25	0	4	65	941
Tawau	0	22	29	0	13	64	839
Keningau	0	46	12	0	3	61	969
Papar	0	23	27	0	3	53	1,074
Penampang	0	26	21	0	1	48	1,031
Putatan	0	37	10	0	1	48	710
Kota Belud	0	23	19	0	1	43	904
Ranau	0	19	10	0	6	35	847
Tenom	0	22	9	0	1	32	369
Kudat	0	11	9	0	8	28	404
Kalabakan	0	1	22	0	3	26	193
Beluran	0	20	3	0	2	25	532
Pitas	0	22	2	0	1	25	653
Beaufort	0	7	8	0	3	18	190
Nabawan	3	8	4	0	2	17	363
Tambunan	0	8	5	0	0	13	220
Semporna	0	0	4	0	6	10	174
Kinabatangan	3	2	4	0	0	9	755
Kunak	0	2	6	0	0	8	284
Telupid	0	4	2	0	0	6	386
Kuala Penyu	0	3	3	0	0	6	51
Sipitang	0	4	1	0	0	5	115
Tongod	0	2	0	0	0	2	272
JUMLAH	6	492	368	0	96	962	19,646

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	3
Kinabatangan	Kluster Sungai Bendera	3
JUMLAH		6

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,337 unit

- Hospital 2,000 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,637 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 48.60%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	953
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	8
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	962

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	5
Negeri Sembilan	1
WP Kuala Lumpur	2
Jumlah	8

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	882
Bukan Malaysia	80
Jumlah	962

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	190
Belum Menerima Vaksin	301
Menerima 1 Dos	82
Lengkap 2 Dos	389
Jumlah	962

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1 to 5	95
6 to 11	82
12 to 17	81
18 to 25	116
26 to 59	473
>60	102
Jumlah	962

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 25 September 2021)
1	Kota Marudu	3
2	Tawau	3
3	Ranau	2
4	Kota Kinabalu	2
5	Kota Belud	1
6	Beluran	1
7	Keningau	1
8	Kudat	1
9	Lahad Datu	1
10	Papar	1
11	Telupid	1
JUMLAH		17

D KEMASKINI SOP PPN FASA 2 BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Kemaskini 23 September 2021 SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 bagi seluruh negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Ranau <ul style="list-style-type: none">Kampung TinongianKampung Karagasan	26 September 2021	9 Oktober 2021
2	<i>Base Camp</i> Bornion Timber Sdn. Bhd., Batu 46, Tulid, Sook, Keningau	26 September 2021	9 Oktober 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Kopungit, Kota Kinabalu	12 September 2021	Ditamatkan pada 25 September 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 September 2021 adalah seramai 35,656 orang. Daripada jumlah ini, seramai 19,166 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 16,490 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 dan Cansino setakat 24 September 2021 adalah seramai 2,179,961 orang. Ini meliputi 1,978,589 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 72.8% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penerima dos lengkap adalah seramai 1,672,329 atau mewakili 61.6% dan seramai 201,372 orang penduduk remaja bersamaan 47.2% jumlah penduduk remaja.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **610,240** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 71 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,157 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 44 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 13 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 151 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 866 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis atau kompaun dikeluarkan oleh PBT.

 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 278 premis perniagaan dan 552 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Restoran J & J, Jalan Kebajikan (1 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Restoran J & J, Jalan Kebajikan (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pekerja tidak scan MySejahtera atau Buku Daftar Masuk di New Baz Baz Market, Bangunan Daya Kebajikan

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 279 Premis Perniagaan melibatkan 153 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 25 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 97 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 96 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Kudat	96.5%
3	Beluran	96.5%
4	Keningau	96.5%
5	Kunak	96.5%
6	Tuaran	96.5%
7	Sipitang	96.5%
8	Kota Marudu	96.5%
9	Ranau	96.5%
10	Papar	96.5%
11	Kota Kinabalu	96.5%
12	Tenom	96.5%
13	Tawau	96.5%
14	Lahad Datu	96%
15	Kota Belud	96%
16	Beaufort	96%
17	Sandakan	96%
18	Kinabatangan	96%
19	Penampang	96%


2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

 PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 2 BAGI SELURUH NEGERI SABAH TARIKH KEMASKINI: 23 SEPTEMBER 2021						
Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<p>Aktiviti Dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services). <p>Aktiviti Tidak Dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services) Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan <p>Arahan Tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021. Akta 342. Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM. Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan. 	AKTIVITI DAN PROTOKOL					
	Tindakan	Penerangan Ringkas				
	Aktiviti Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar / masuk merentas Daerah bagi urusan tugas rasmi kerajaan (<i>official duty</i>) adalah DIBENARKAN dengan menunjukkan dokumen surat majikan dan surat arahan penugasan. Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta adalah DIBENARKAN tertakluk kepada kapasiti tempat duduk kenderaan, lesen (kenderaan syarikat swasta) dan pematuhan SOP. Had jumlah pekerja yang bertugas seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Sektor Awam Persekutuan – 60% jumlah kakitangan bekerja di pejabat manakala 40% bekerja dari rumah namun tidak termasuk <i>frontliners</i>, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan; Sektor Awam Negeri – 80% jumlah kakitangan bekerja di pejabat manakala 20% bekerja dari rumah tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Negeri; Sektor Swasta – Kapasiti pekerja adalah mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin; dan Sektor Pembinaan, Pembuatan, Perlombongan dan Perkuarian (essential dan non essential) – pengoperasian berdasarkan kadar vaksinasi berikut: <ol style="list-style-type: none"> Kadar vaksinasi 80%-100%: 100% pengoperasian Kadar vaksinasi 60%- 79%: 80% pengoperasian 				